

Berkongsi kepakaran dalam bidang penyelidikan marin dan akuakultur

UMS, UMT meterai MoU

um/16-3-2011 / HS 26

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**
utusanabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 15 Mac – Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang marin dan akuakultur, baru-baru ini.

Pada majlis itu UMS diwakili oleh Timbalan Naib Canselornya, (Inovasi dan Penyelidikan), Prof. Dr. Rosnah Ismail manakala, UMT pula oleh Naib Canselornya, Prof. Dr. Aziz Deraman.

Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah UMS, Datuk Beatrice Beth Baikan dan Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS, Prof. Dr. Ridwan Abd. Rahman.

Menurut Ridwan, MoU itu bakal melonjakkan lagi kerjasama langsung yang telah lama wujud antara IPMB, UMS dan Fakulti Pengajian Marin, UMT.

Beliau berkata, melalui perjanjian itu UMS dan UMT akan berkongsi kepakaran dalam bidang penyelidikan marin dan akuakultur.

Selain itu tambahnya, kerjasama tersebut akan turut melibatkan perkongsian infrastruktur bagi menjalankan aktiviti dan kajian.

“UMS maklum bahawa UMT turut menunjukkan minat dalam bidang akuakultur dan sains marin.

“MoU ini akan membentuk satu kerjasama strategik iaitu kepakaran dan sumber di kedua-dua universiti dapat digunakan dengan lebih efisien bagi mencapai matlamat dan



ROSNAH Ismail dan Aziz Deraman (duduk dua dari kanan) menandatangani MoU di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

objektif,” jelas beliau pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu Aziz berkata, MoU itu akan melibatkan kerjasama yang amat signifikan dalam usaha menghasilkan penyelidikan khususnya yang memberi manfaat kepada pemuliharaan akuakultur dan khazanah ma-

rin negara.

Selain itu ujar beliau, kedua-dua universiti itu juga akan terlibat dalam program pertukaran pensyarah, penyelidik dan pelajar.

“Kita juga merancang mengadakan program kerjasama, mengeluarkan hasil penye-

lidikan bersama dan mengadakan bengkel serta simposium bersama.

“Jadi saya percaya kerjasama ini dapat memenuhi aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bagi menghasilkan graduan berdaya saing bagi pasaran tempatan dan global,” ujarnya.